



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.mafs.gov.my

SIARAN MEDIA

MAFS PERLUAS RUANG KERJASAMA STRATEGIK PROGRAM SMART SAWAH BERSKALA BESAR (SMART SBB)

KOTA KINABALU, 16 FEBRUARI 2023 – Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) YB Chan Foong Hin hari ini mengadakan lawatan kerja ke Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud, selain mengadakan lawatan ke Gudang Simpanan Stokpail Beras Negara di Sabah.

Lawatan ini akan membuka ruang kerjasama strategik antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) dan Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI) dalam usaha membawa masuk varieti baharu benih padi MR 297 dan MRQ 74 dari Semenanjung ke Negeri Sabah. Kemasukan dua varieti benih popular ini selain bertujuan untuk peningkatan tahap sara diri (SSL) Negeri Sabah juga akan meningkatkan pendapatan pesawah tempatan.

Menurut Chan, varieti MR 297 dapat menghasilkan purata hasil padi sehingga 10 tan metrik per hektar, manakala varieti MRQ 74 pula mempunyai potensi purata hasil sebanyak 5 tan metrik per hektar. Kedua-dua varieti ini dapat mengatasi masalah padi angin dan berupaya meningkatkan pendapatan pesawah kepada lebih 20 peratus daripada peningkatan hasil pengeluaran padi.

Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang dilaksanakan di kawasan IADA Kota Belud ini juga telah berjaya meningkatkan purata hasil padi dari 2.60 tan metrik kepada 4.15 tan metrik sehektar.

Program yang melibatkan seramai 40 orang pesawah ini adalah di bawah seliaan BERNAS sebagai syarikat peneraju. Program SMART SBB di Skim Jawi-Jawi telah mencapai keseluruhan kawasan seluas 126.78 hektar pada tahun 2023 dengan peningkatan sebanyak 153.6 peratus berbanding keluasan seluas 50 hektar pada tahun 2022. Manakala, pulangan bersih hasil tuaian sawah sekitar RM2,000 semusim sebelum ini telah meningkat menjadi kepada RM6,000 semusim.

Berdasarkan rekod semasa, kadar tahap sara diri (SSL) beras bagi Negeri Sabah adalah sebanyak 22.8 peratus pada tahun 2021 dengan anggaran populasi penduduk Negeri Sabah sebanyak 3.4 juta dan penggunaan perkapita beras sebanyak 73.04 kilogram seorang setahun.

Merujuk kepada laporan Penyiasatan Pengeluaran Padi Negeri Sabah, daerah Kota Belud telah mencatatkan purata hasil padi sebanyak 3.36 tan metrik pada Musim Utama Tahun 2021/2022 dan sebanyak 3.82 tan metrik pada Luar Musim Tahun 2021. Manakala, pengeluaran beras bagi padi sawah di Negeri Sabah pada tahun 2021 ialah sebanyak 54,524 tan metrik iaitu 29.01 peratus dihasilkan dalam jelapang dan baki 70.54 peratus dari luar jelapang.

Kolaborasi strategik antara MAFS dengan syarikat-Syarikat peneraju ini akan menjadi titik permulaan kepada perubahan landskap industri padi dan beras tempatan di Sabah, seterusnya, berupaya membantu Kerajaan mencapai sasaran 75 peratus tahap sara diri (SSL) beras negara menjelang tahun 2025 sepertimana yang digariskan di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2.0 dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Hadir sama dimajlis ini Ketua Pengarah Industri Padi Beras, Datuk Azman Mahmood, Pengarah IADA Kota Belud, Norfaine Sameun dan Ketua- ketua Agensi Negeri Sabah.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
16 FEBRUARI 2023